

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 5 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status terkini Projek Jalan Ulu Tomani Tenom, Sabah, adakah masih diteruskan. Jika ya adakah masih diteruskan oleh kontraktor yang dipilih secara tender terbuka semasa Kerajaan PH. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Membina Jalan Ulu Tomani, Tenom, Sabah telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* Ketiga (RMKe-11, RP3) Tahun 2018 dengan kos sebanyak RM189 juta. Pelaksanaan projek masih diteruskan dan status terkini adalah di peringkat perolehan.